



## TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERBAHAGIA  
PROF. DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM  
NAIB CANSOLOR**

---

**MAJLIS MENANDATANGANI KOLABORASI STRATEGIK  
(*CERTIFICATE OF COLLABORATION – CoC*)  
ANTARA UniSHAMS – JPPKK**

---

10.00 pagi	26 Jun 2023 (Isnin)	Dewan SENAT, UniSHAMS
------------	------------------------	--------------------------

---

## ***Salurtasi***

Yang berusaha Saudara Pengerusi Majlis;

Terima kasih Pengacara Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah Robbil'alamin, Wassolatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya'i Wal Mursalin, Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang dialu-alukan delegasi **JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK), KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)** yang terdiri daripada:

1. **DR. HAJI MOHD ZAHARI BIN ISMAIL**  
Ketua Pengarah Pendidikan JPPKK
2. **Ts. ZAINAB BINTI OTHMAN**  
Pengarah Kanan (Kompetensi) JPPKK
3. **DR ZANATUL SHIMA BINTI AMINUDDIN**  
Timbalan Pengarah, Bahagian Kurikulum
4. **ENCIK SYAIFUL AFDZAL BIN RAMLI**  
Timbalan Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan
5. **Ts. MORNIZAWATI BINTI ABDULLAH**  
Timbalan Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti
6. **ENCIK MOHD NAFIZ BIN MOHD NAZLY**  
Pegawai Khas KPPPKK
7. **ENCIK MUHAMAD RAHMAD BIN HASSAN**  
Penolong Pengarah Kanan Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti
8. **ENCIK MOHD HAFIZAN BIN MOHAMED HASSAN**  
Penolong Pengarah Kanan, Unit Komunikasi & Hubungan Korporat
9. **ENCIK MUHAMMAD SYAMIL BIN KHALID**  
Penolong Pengarah, Unit Komunikasi & Hubungan Korporat

Yang Berusaha:

1. **Dr. Rohani binti Desa**  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni
2. **Tuan Haji Mohd Zaini Bin Haji Ramli**  
Timbalan Naib Canselor Kelestarian Institusi & Jaringan Industri
3. **Puan Hajjah Molya binti Mohd Annuar**  
Bendahari

Yang dikasihi, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan tetamu jemputan sekalian.

### (KATA PEMBUKA)

1. Alhamdulillah, sukaiah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, dan saya mengalu – alukan kehadiran tuan/puan pada hari ini.
2. Saya berbesar hati atas kesudian tuan/puan pada hari ini bagi memeriahkan lagi majlis menandatangani **Kolaborasi Strategik (Certificate of Collaboration – CoC)** antara UniSHAMS dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Lafaz terima kasih saya rakamkan kepada delegasi yang sudi datang jauh semata-mata menjayakan majlis ini.

### (OBJEKTIF PROGRAM)

Para hadirin sekalian,

3. Bermula dari tahun 1993 tercetusnya idea menubuhkan institusi pengajian berteraskan agama Islam sehingga ia diluluskan penubuhannya dengan nama INSANIAH pada tahun 1994. INSANIAH yang bertempat di Mergong, Alor Setar, Kedah terus mekar berkembang mendidik anak bangsa dan pada tahun 2006 ia dinaiktaraf kepada Kolej Universiti INSANIAH (KUIN). Tanggal 05 Febuari 2018 KUIN telah mendapat kelulusan menjadi universiti penuh yang diberi nama Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan sekarang menawarkan 42 pilihan program pengajian dalam pelbagai bidang bermula daripada peringkat Asasi sehinggalah ke peringkat Doktor Falsafah.
4. UniSHAMS merupakan sebuah universiti milik penuh kerajaan Negeri Kedah yang sentiasa berusaha untuk memperkasakan dan memperkuat keupayaannya di dalam bidang akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat dan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi melengkapkan kecemerlangan pengajiannya dan telah memasuki pelbagai perancangan kerjasama dengan pihak-pihak yang lain bagi memperkasakan kecemerlangan itu.

5. Selain itu, UniSHAMS pada ketika ini giat ke arah mengadakan kerjasama dengan pelbagai institusi di peringkat nasional & antarabangsa. Bagi meningkatkan kualiti dalam bidang pengurusan dan akademik, UniSHAMS sedang menuju kearah peningkatan bintang SETARA & MYRA dan Insya Allah dengan peningkatan ini dalam masa yang terdekat, UniSHAMS akan setanding dengan universiti- universiti terkemuka di Malaysia khususnya.
6. Untuk makluman, UniSHAMS tidak hanya memberi fokus kepada program Pengajian Islam, tetapi juga menawarkan program pengajian bidang Teknologi Maklumat, Perniagaan, Perakaunan, Kewangan Islam, Seni Kuliner dan Kaunseling. Terdapat beberapa program pengajian yang telah mendapat pengiktirafan daripada badan profesional iaitu Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) bagi program Perakaunan dan Islamic Financial Planner (IFP) bagi program Kewangan Islam.
7. UniSHAMS juga turut mengekalkan hubungan dengan negara-negara arab melalui kakitangan pensyarah arab terdiri daripada negara Mesir, Yaman, Sudan dan lain-lain yang sedia berkhidmat di UniSHAMS. Dengan kapasiti UniSHAMS yang boleh menampung bilangan pelajar sehingga 10,000 orang, maka UniSHAMS pada ketika ini sedang giat mengadakan pelbagai kerjasama & promosi bagi mencapai sasaran yang dirancang bagi memenuhi hasrat kerajaan Negeri Kedah untuk menjadikan UniSHAMS sebagai Cordoba Of Kedah.
8. Saya berpendirian bahawa majlis menandatangani CoC antara dua organisasi iaitu UniSHAMS dan JPPKK sebagai penggalak dan pendorong untuk meningkatkan kerjasama strategik bagi meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia secara amnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Sesungguhnya, hari ini begitu signifikan kepada UniSHAMS dan JPPKK dalam menzahirkan komitmen untuk membantu meningkatkan tahap pencapaian graduan Politeknik dan Kolej Komuniti ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang-bidang pengajian yang ditawarkan di UniSHAMS. Komitmen ini dizahirkan melalui pemindahan kredit kursus pengajian yang seterusnya akan memendekkan tempoh pengajian pelajar-pelajar berkenaan.

10. UniSHAMS turut mengalu-alukan pensyarah-pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti untuk menyambung pengajian di UniSHAMS bagi peringkat Sarjana dan Kedoktoran yang bertujuan membantu peningkatan kerjaya pensyarah berkenaan.
11. Kolaborasi ini turut merangkumi aktiviti-aktiviti berikut:
  - a. Perkongsian kepakaran, peralatan dan kemudahan fasiliti;
  - b. Berkerjasama dalam perundingan latihan dan pensijilan berkaitan;
  - c. Berkerjasama dalam penambahbaikan silibus dan kurikulum;
  - d. Berkerjasama dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersialan.
12. Justeru itu, saya berharap dengan termeterainya kolaborasi strategik ini dapat melonjakkan serta memberi sumbangan kepada dunia akademik di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.
13. Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada delegasi JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) kerana memberikan ruang untuk berkolaborasi dengan UniSHAMS. Moga ikatan strategik ini menjadi titik tolak kepada hubungan yang lebih erat dan kerjasama kukuh antara kedua-dua organisasi.
14. Saya berdo'a mudah-mudahan Allah Ta'ala sentiasa melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada tuan-tuan dan puan-puan, UniSHAMS-JPPKK dan warganya dengan naungan kecemerlangan, kejayaan, kesihatan, dan kesejahteraan, Amin.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,

----- **TAMAT** -----

**Pejabat Naib Canselor**  
**26 Jun 2023 | 7 Zulhijjah 1444**